



**MAKLUM BALAS ADUAN  
MELALUI KENYATAAN YANG DITULARKAN MENERUSI LAMAN MEDIA SOSIAL  
MENGENAI SEBAHAGIAN PESAKIT TERPAKSA MEMBELI UBAT SENDIRI ATAS  
DAKWAAN HOSPITAL KEKERINGAN DANA DAN TIADA WANG**

**JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR**

Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) ingin merujuk kepada kenyataan yang ditularkan dalam media sosial Facebook bertarikh 3 Jun 2018 yang menyatakan sebahagian pesakit terpaksa membeli ubat sendiri apabila didapati tiada bekalan ubat di hospital atas dakwaan hospital kekeringan dana dan tiada wang.

Pihak JKN Johor dan Hospital Sultan Ismail Johor Bahru (HSIJB) memandang serius perkara ini. Hasil siasatan awal pihak HSIJB mendapati tiada pesakit yang diarahkan untuk membeli ubat sendiri. Bekalan ubat adalah mencukupi dan pesakit diberi ubat mengikut kepada ubat-ubatan yang tersenarai di dalam Buku Formulari Ubat Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pihak HSIJB juga telah menghubungi pemilik akaun FB untuk mendapatkan penjelasan dan dimaklumkan beliau hanya mendengar cerita dari satu pihak dan tidak mengesahkan perkara tersebut kepada HSIJB.

Pihak JKN Johor ingin memberikan kepastian (assurance) kepada masyarakat bahawa bekalan ubat sentiasa mencukupi dan akan sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

Masyarakat juga diingatkan agar mendapatkan kepastian dari pihak Jabatan Kesihatan Negeri Johor sebelum menularkan sebarang maklumat berkenaan perkhidmatan kesihatan. Ini bagi mengelakkan perasaan gusar dan panik dikalangan masyarakat Johor.

Sekian, terima kasih.

"Kami Sedia Membantu"

**DR.SELAHUDEEN ABD AZIZ**

PENGARAH KESIHATAN NEGERI JOHOR

5 Jun 2018